

28 JUN 2003

Abdullah-PBDS (Bergambar)

PELETAKAN JAWATAN MOGGIE UNTUK SELESAI MASALAH PARTI - TPM

JEMPOL, 28 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata peletakan jawatan Datuk Amar Leo Moggie sebagai Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) bertujuan menyelesaikan masalah dalaman parti itu.

"Memang ada masalah. Kalau tidak takkan dia letak jawatan tetapi peletakan jawatannya ke arah hendak selesaikan masalah yang dihadapi," kata Timbalan Perdana Menteri ketika diminta pemberita mengulas kemungkinan tindakan Moggie itu disebabkan wujudnya masalah dalam parti itu.

Abdullah ditemui selepas mengadakan perjumpaan dengan pegawai, kakitangan dan pelatih Pusat Latihan Polis Ayer Hitam (Pulapah) di sini hari ini.

Abdullah berkata Moggie yang juga Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia telah memaklumkan peletakan jawatannya kepada beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita (Abdullah dan Dr Mahathir) nampak hujah yang dia berikan, tak payahlah saya terangkan di sini, (alasan hujah itu) adalah munasabah," katanya.

Moggie mengejutkan ramai anggota PBDS dan penyokongnya apabila mengemukakan peletakan jawatan Rabu lepas.

Berikutan itu, Timbalan Presiden PBDS Datuk Seri Daniel Tajem secara automatik memegang jawatan yang ditinggalkan Moggie itu.

Diminta mengulas keputusan Mahkamah Rayuan yang mendenda RM45,000 atau 18 bulan penjara terhadap bekas anggota Exco kerajaan Negeri Sembilan semalam atas tiga tuduhan rasuah, Abdullah berkata imej seseorang wakil rakyat itu akan rosak dan terjejas.

"Bila dah disabitkan dengan (kesalahan) jenayah dan rasuah, dengan itu imej dia akan rosak," katanya.

Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Abdul Hamid Mohamed, Datuk Wira Ghazali Mohamed Yusoff dan Datuk Hashim Yusof yang bersidang semalam, membenarkan rayuan pendakwa raya terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Seremban pada 8 Okt 1999 yang membebaskan Waad dari tiga tuduhan rasuah.

Waad dikenakan denda RM15,000 atau enam bulan penjara bagi setiap tuduhan itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata walaupun jumlah anggota polis yang terlibat dalam kesalahan seumpama itu agak sedikit, ia tetap menjejaskan majoriti imej pasukan keseluruhannya.

"Ingatlah jaga imej polis, dalam menjalankan tugas di mana juga mereka pergi ia akan dilihat sebagai anggota Polis Diraja Malaysia yang dihormati masyarakat," katanya.

Selain itu, katanya, dalam melaksanakan tugas masing-masing, semua anggota diharap dapat memahami dan mahir terhadap undang-undang terutama undang-undang jenayah agar semasa membuat penguatkuasaan ia dapat mengelakkan daripada sebarang kesalahan.

"Semasa jalankan tugas, perlu ada pertimbangan tetapi perlu tegas, adil dan saksama," katanya.

Abdullah turut mengucapkan tahniah kepada polis kerana bertindak dengan berkesan dalam membanteras kegiatan penjualan dan pengedaran video cakera padat (VCD) dan cakera padat (CD) haram dan lucah.

"Kejayaan ini diakui oleh Jemaah Menteri di atas tindakan yang dijalankan. Tapi polis perlu meneruskan operasi supaya kegiatan itu tidak menjadi buruk seperti sebelum operasi berkenaan dilaksanakan," katanya.

Abdullah berkata apabila polis menjalankan tugas dengan baik dan

berkesan, secara tidak langsung masyarakat akan memberi penghargaan kepada mereka seterusnya memberikan kerjasama.

Beliau turut menasihatkan anggota polis supaya sentiasa menjaga keselamatan diri semasa menjalankan tugas kerana bahaya tidak diketahui.

"Tapi bila diri cukup terlatih, anggota akan dapat melaksanakan tanggungjawab dengan selamat, tegas, adil dan saksama," katanya.

-- BERNAMA

APG SBS RON